

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

pertama	buah	pada	berapa
pelbagai	semua	patah	utas

Pada 2 Mei 2016, suatu mesyuarat Ahli Jawatankuasa Persatuan Belia telah diadakan di Balai Raya Kampung Impian. Mesyuarat itu bermula pada pukul 2:30 petang. _____ ahli jawatankuasa persatuan hadir pada petang itu. _____ perkara dibincangkan dalam mesyuarat ini. Perkara _____ yang dibincangkan ialah yuran persatuan. Semua ahli jawatankuasa persatuan bersetuju untuk menetapkan bayaran sebanyak RM5 seorang. Yuran ini akan dibayar _____ setiap bulan oleh semua ahli persatuan.

[4 markah]

Soalan 22

a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Ayat tanya:

Jawapan: Makanan yang seimbang dan berkhasiatlah yang dapat menjadikan kita kuat dan sihat.


[2 markah]

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah ini.



[2 markah]

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

[2 markah]

Soalan 23

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tahun ini genaplah enam tahun umur adikku, Irfan. Seperti kanak-kanak lain yang seusia dengannya, Irfan sudah mula belajar menulis dan membaca. Namun begitu, ada keganjilan yang dapat kami perhatikan pada dirinya. Ada huruf yang dituliskannya terbalik. Dia juga tidak dapat membaca dengan betulnya seperti kanak-kanak yang lain.

Ibu dan ayah berasa bimbang. Mereka mengambil keputusan untuk membawa Irfan berjumpa dengan doktor pakar kanak-kanak.

"Irfan menghidap disleksia, iaitu sejenis masalah pembelajaran. Dia mengalami kesukaran untuk mengeja, membaca dan menulis. Dia juga sukar untuk mengenal pasti huruf 'b', 'd', 'p', dan 'q'," jelas Doktor Ranjit.

Kami sekeluarga terkejut. Kata-kata Doktor Ranjit itu menimbulkan rasa resah dalam hati kami. Namun begitu, kami berasa lega apabila Doktor Ranjit menyatakan bahawa masalah itu dapat diatasi.



Dugaan ini kami hadapi,
Inilah realiti bukannya mimpi,
Resah gelisah tolak ke tepi,
Irfan dihantar menjalani terapi.

Nasihat doktor kami turuti,
Kuatkan semangat cekalkan hati,
Segala penyakit mampu diubati,
Andai usaha tidak berhenti.

Biar keringat terpaksa diperah,
Berpantang kami untuk menyerah,
Segala usaha akan dikerah,
Kepada Tuhan kami berserah.

a. Maksud disleksia ialah _____

(1 markah)

b. Terangkan masalah yang dihadapi oleh Irfan.

(2 markah)

c. Padankan pernyataan di bawah ini berdasarkan petikan.

Irfan belajar dalam tahun enam.

Betul

Irfan dapat membaca dengan lancar.

Salah

Ahli keluarga Irfan sentiasa memberi sokongan

(2 markah)

Soalan 24

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Selamat Tinggal Stres

Islah agak resah kerana memikirkan peperiksaannya.

Oleh itu, Islah telah berjumpa dengan kaunselor sekolah.

Islah diajar oleh Cikgu Wong tentang cara mengatasi keresahan dengan melakukan latihan pernafasan. Marilah kita lakukan bersama-sama.

Mula-mula, berdiri dan jarakkan kaki serta longlaikan tangan kamu. Selepas itu, pejamkan mata dan tundukkan kepala.

Kemudian, tarik nafas dan hembuskan nafas perlahan-lahan melalui hidung dengan kiraan 10 kali. Kamu mesti membayangkan masalah yang dihadapi telah selesai pada setiap hembusan nafas itu. Ulangi langkah itu sebanyak lima kali. Akhir sekali, buka mata kamu perlahan-lahan.

Latihan pernafasan ini dapat meningkatkan kadar pertukaran oksigen dan karbon dioksida dalam sel badan kita bagi melegakan keresahan.

Kini, Islah tidak berasa tertekan lagi.
Terima kasih, kaunselor.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

- a. Perkataan resah dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan

(1 markah)

- b. Pada pendapat kamu, mengapakah Islah perlu berjumpa dengan kaunselor?

(2 markah)

如果这考卷对您有帮助, 请考虑提供您所拥有的考卷, 让其他人也受惠

c. Apakah yang akan berlaku kepada Isha jika dia terus berasa resah?

d. Adakah anda stres? Bagaimana anda atasinya?

(2 markah)

Soalan 25

Baca syair di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Wahai rakan-rakan sekalian,
Dengarlah syair aku dendangkan,
Nasihatku jadikan pedoman,
Buat bekalan hari kemudian.

Tuntutlah ilmu di mana berada,
Ilmu bagaikan sebuah pelita,
Penyuluh hidup sepanjang masa,
Demi menjadi insan berjaya.

Semasa menuntut ilmu usahlah leka,
Tekun dan rajin sepanjang masa,
Pelbagai dugaan datang melanda,
Sabar dan tabah menghadapinya.

Pabila berilmu janganlah meninggi diri,
Kelak dirimu sentiasa dibenci,
Luangkan masa menabur budi,
Ilmu yang ada terus dihargai.

a. Apakah maksud rangkap kedua syair di atas?

[2 markah]

b. Apakah pengajaran yang terdapat dalam rangkap ketiga syair di atas?

[2 markah]

c. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan mutiara kata tersebut.

Kita tidak perlu gigih semasa menuntut ilmu.	<input type="checkbox"/>
--	--------------------------

Kita patut menghadapi segala dugaan yang datang dengan tabah.	<input type="checkbox"/>
---	--------------------------

[1 markah]

Luangkan masa menabur budi,
Ilmu yang ada terus dihargai.

d. Terangkan maksud baris-baris syair di atas.

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Jawapan

Soalan 21


semua; Pelbagai; pertama; pada

Soalan 22

- Apakah yang dapat menjadikan kita kuat dan sihat?
- Ampun tuanku. Patik bersetuju dengan fikiran tuanku.
- Seperti tikus membaiki labu.

Soalan 23

- sejenis masalah pembelajaran.
- Masalah yang dihadapi oleh Irfan ialah ada huruf yang ditulisnya terbalik dan juga tidak dapat membaca dengan betulnya seperti kanak-kanak yang lain.



Soalan 24

- risau.

Soalan 25

- Maksud rangkap kedua syair di atas ialah kita mestilah menuntut ilmu di mana-mana tempat dan menggunakan ilmu sebagai penyuluh hidup kita supaya menjadi orang Berjaya.
- Pengajaran yang terdapat dalam rangkap ketiga syair di atas ialah kita mesti tekun dan rajin sepanjang masa dan tidak boleh berputus asa dalam pelajaran.
- ×
√
- Maksud baris-baris syair di atas ialah kita mesti meluangkan masa untuk menabur budi dan kita menghargai yang kita ada.